

22/08/2000

Mengelak pesakit kronik daripada dieksploitasi

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KETIKA membahaskan Rang Undang-Undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000 di persidangan Dewan Negara penggal ke-10 baru-baru ini, seorang senator menggesa kerajaan mengambil tindakan segera melindungi pengguna daripada pelbagai dakwaan mengenai wujudnya ubat yang dikatakan mampu mengubati penyakit kronik seperti HIV/Aids.

Senator Datuk Zainudin Maidin berkata: "Adalah tidak logik jika kita senang saja memperolehi ubat yang didakwa mampu menyembuhkan penyakit kronik seperti kanser dan HIV/Aids. Sepatutnya, orang ramai tidak patut dieksploitasi hanya semata-mata ada pihak yang ingin membuat keuntungan."

Gesaan seumpama ini sememangnya bertepatan dengan masanya kerana dari semasa ke semasa, masyarakat khususnya mereka yang memerlukan rawatan bagi HIV/Aids, sentiasa dieksploitasi pihak yang ingin mengaut keuntungan.

Seperti yang berlaku di Kedah. Sebaik saja berita mengenai suri rumah yang disahkan menerima darah mengandungi virus HIV ketika mendapat rawatan di Hospital Jitra, Kedah, disiarkan dalam akhbar awal April lalu, ada pihak yang cuba menangguk di air keruh.

Mereka sanggup memberi perkhidmatan percuma kepada suri rumah itu hanya untuk mempromosi penawar yang didakwa dapat menyembuhkan HIV/Aids. Malah, sebelum kes itu juga, pelbagai dakwaan sudah timbul mengenai penawar yang dikatakan mampu mengubati HIV/Aids walaupun pada hakikatnya belum ada bukti saintifik yang mampu menyokong dakwaan berkenaan.

Persoalannya, apakah pengguna benar-benar dilindungi daripada dakwaan seumpama itu kerana apa yang pasti, pihak yang membuat dakwaan sudahpun mengaut keuntungan daripada pengguna? Apakah peranan yang dimainkan pihak berkuasa sekarang mencukupi dalam melindungi pengguna daripada terus terjebak dalam 'perangkap' golongan ini?

Penasihat Rancangan dan Perhubungan UNAids, Steven Kraus, ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Peranan Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri (Adun) Ke Arah Membanteras HIV/Aids' di Seminar HIV/Aids baru-baru ini berkata, anggota Parlimen memainkan peranan penting dalam segala usaha berkaitan isu HIV/Aids.

Ini, katanya, kerana kegagalan dalam menjalankan program mengenai penyakit berbahaya itu, terutama dalam melindungi pesakit HIV/Aids daripada pihak yang cuba mengeksploitasi mereka, sebahagian besarnya berpunca daripada kurang kepekaan daripada pihak pemimpin.

"Sebagai contoh, di negara Afrika, kegagalan membanteras penyakit ini berpunca daripada pemimpinnya tidak mahu menerima HIV/Aids sebagai masalah utama. Akibatnya, jumlah mereka dijangkiti Aids di Afrika adalah paling tinggi di dunia," katanya.

Menurut Laporan Epidemik HIV/Aids Secara Global, Jun 2000, yang dikeluarkan UNAids, adalah dianggarkan hingga hujung tahun lalu, jumlah secara global mereka yang hidup dengan HIV/Aids adalah 34,300,000 orang. Di Malaysia saja, jumlah mereka yang hidup dengan HIV/Aids adalah 33,233 orang.

Kraus berkata, Malaysia sepatutnya mengambil contoh Uganda dan Thailand yang kian terbuka menerima dan mengatasi penyakit itu secara realistik, sehingga dapat mengurangkan jumlah mereka yang dijangkiti HIV/Aids.

Kenyataan Kraus disokong Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, yang mengatakan kepemimpinan yang kuat dan berperikemanusiaan dapat mencegah daripada peningkatan kes HIV/Aids.

Ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Kesan Wabak HIV/Aids

Kepada Pembangunan Sosioekonomi', beliau berkata: "Pemimpin Malaysia memang banyak membantu dalam usaha membanteras HIV/Aids tetapi pada masa yang sama, mereka juga tidak menyokong banyak usaha yang cuba dijalankan."

Sebagai contoh, kata Marina, walaupun semua pihak tahu kepentingan pendidikan seks kepada generasi muda, ia masih mendapat tentangan hebat dengan menyalahafsirkan konsep dan tujuan pendidikan itu.

"Pendidikan seks dalam konteks tanggungjawab dan hormat antara satu sama lain, amat diperlukan untuk generasi muda. Kita bukan ingin menggalakkan hubungan seks tetapi kita kena terima realiti yang perkara ini tetap berlaku walaupun kita berdiam diri mengenainya," katanya.

Marina berkata, sikap yang realistik, iaitu tidak menafikan wabak itu wujud dan tidak menafikan isu tertentu seperti pekerja seks, seks di luar nikah dan homoseksual wujud dalam masyarakat, amat penting dalam usaha pencegahannya.

"Ini kerana pemikiran negatif mengenai isu HIV/Aids akan hanya merugikan sesebuah negara kerana sama ada kita suka atau tidak, isu yang saya sebutkan itu pasti berlaku dalam masyarakat dunia," katanya.

Secara amnya, seminar untuk Ahli Parlimen dan Adun itu mencapai satu kesimpulan, iaitu usaha membanteras HIV/Aids tidak akan mencapai kejayaan tanpa desakan dan sokongan pihak atasan.

Walaupun banyak mana sekalipun program dan usaha yang sudah dijalankan baik oleh badan bukan kerajaan (NGO), Kementerian Kesihatan atau individu, tanpa keprihatinan pemimpin, penyakit berbahaya itu akan terus meningkat.

Ia akan membiarkan pihak tidak bertanggungjawab terus bermaharajalela mengaut keuntungan daripada pengguna yang memerlukan `keajaiban dalam perubatan'.

(END)